

Karangan Deskriptif 2

Kamu pernah mengalami peristiwa yang telah berjaya membina keyakinan diri kamu. Gambarkan peristiwa itu. [Incident]

Introduction

Conflict

- Fly on a Wall
- Suspense Element

Incident

Instruktur berpengalaman itu tidak sabar memulakan pekerjaannya. Selama dua puluh tahun dia mengajar memandu, setiap hari pasti menjanjikannya pengalaman yang berbeza. Manakan tidak, setiap orang yang ingin belajar memandu kereta mempunyai latar kehidupan dan perangai yang berbeza. Dia harus bijak mengendalikan latihan memandunya supaya para pelajarnya dapat belajar dengan sebaik-baiknya. Untuk hari itu, dia sudah bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan. Seorang pelajar baru sedang menantinya di tempat duduk depan kereta latihan syarikat dia bekerja. Seperti biasa untuk latihan hari pertama, dia akan mengenalkan pelajarnya bahagian-bahagian dalam kereta sebelum mula memandu kereta tersebut di perkarangan kawasan latihan memandu. Dia mengambil tempat duduk pemandu dan menghidupkan enjin kereta sebelum mengenalkan dirinya. Apabila dia sedar bahawa pelajarnya adalah seorang lelaki Muslim, dia menghulurkan tangan kanannya untuk bersalaman dengannya. Namun, tangan kiri pelajar itu yang menyambut tangannya. Dia berasa pelik. Diamati pelajarnya dengan teliti. Hatinya berbetik. Ini masalah berat! [INCIDENT]

Background Information

Pelajar itu adalah aku. Aku adalah seorang kurang upaya. Lengan kananku kudung dari bahagian bahu kerana kemalangan jalan raya ketika aku berusia 17 tahun [INCIDENT]. [Start background] Aku masih ingat lagi peristiwa ngeri itu. Aku membonceng motosikal ayah untuk bersamanya ke hospital. Ibu sedang menantikan masa untuk melahirkan adikku. Jalan raya yang basah akibat hujan pagi hari menyebabkan motosikal ayah tergelincir ketika cuba membelok di simpang jalan. Aku tercampak ke laluan jalan yang bertentangan. Lori yang bergerak keluar dari tapak binaan berhampiran mengilis lengan kananku. Sakitnya bukan kepalang. Aku langsung pengsan tidak sedarkan diri. Aku berubah sama sekali setelah kejadian itu. Aku tidak ada keyakinan untuk meneruskan kehidupan. Aku pasrah bahawa kehidupan aku akan sentiasa diselubungi dengan pelbagai kesukaran. Daripada seorang yang periang dan aktif dalam sukan dan pelbagai kegiatan, aku menjadi pendiam dan sering mengasingkan diri. Aku sering menyesali nasib. Keluarga dan teman-teman rapatku dengan cepat merasakan perubahan yang berlaku pada diriku. Namun, apa yang boleh mereka buat selain daripada memberikan aku kata-kata semangat untuk bersabar dan meneruskan kehidupan dengan tabah. Segala nasihat mereka tidak berbekas pada hatiku. Aku rasa berat mata memandangi, berat lagi bahu memikul; mereka tidak akan faham keadaanku sepenuhnya. Walau bagaimanapun aku bersyukur yang kini aku lebih berkeyakinan menghadapi